

# Kabinet akan bincang dakwaan **Pelajar dipupuk benci kerajaan**

ALOR STAR, Isnin — Perdana Menteri berkata beliau akan berbincang dengan Menteri Pendidikan, Encik **Anwar Ibrahim** mengenai dakwaan bahawa sege-lintir guru di negara ini memupuk semangat bencikan kerajaan di kalangan pelajar.

Datuk Seri Dr Mahathir **Mohamad** berkata perkara itu **mungkin dibincangkan** dalam mesyuarat Kabinet akan datang.

"Kegiatan ini **mungkin** berlaku, tetapi saya perlu mendapat penerangan lanjut daripada menteri berkenaan sebelum mengambil tindakan tertentu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan Aidiladha dengan lebih 1,500 guru di negeri ini di sini hari ini.

Dalam ucapannya, **Perdana Menteri** berkata golongan pendidik sepatutnya memupuk budaya dan nilai-nilai **positif** supaya **murid** memahami falsafah politik negara, termasuk **amalan** demokrasi.

Beliau berkata rakyat perlu **berhati-hati**

Oleh MAHFAR AII

dan tidak bertindak melampaui **kepentingan** masyarakat kerana perbuatan itu hanya menjejaskan falsafah sebenar **demokrasi**.

"Ada pihak menganggap kebebasan **individu** lebih penting dan sanggup buat **perkara** ganjil, seperti berbogel di khalayak **ramai** dan membakar diri, kononnya ini adalah hak demokrasi," katanya.

## Perjuangan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata **demokrasi** tidak bermakna rakyat harus mengadakan tunjuk perasaan dan **mela-kukkan** sesuatu yang berlainan daripada masyarakat.

Beliau berharap guru turut **membimbing** dan menyedarkan masyarakat, **terutama** pelajar mengenai falsafah **politik** negara supaya rakyat maju dan dapat bersaing dengan negara-negara

lain.

"Selain memihak kepada **parti-parti** tertentu, guru-guru perlu melihat politik di sudut pembangunan negara," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata guru adalah **alat** penting untuk **mengem-bangkan** dasar atau **analisis** politik kepada rakyat, terutama pelajar supaya **negara** dapat membentuk satu **bangsa** yang mempunyai nilai kebudayaan yang teratur.

"Kemajuan sesuatu **bangsa** tidak **berasaskan** kepada keturunan **semata-mata**, tetapi kebudayaan turut mencorakkan masa depan **bangsa** itu," katanya.

Oleh itu, beliau berkata falsafah **politik** negara perlu diajar di sekolah supaya **murid-murid** tidak disogok dengan **nilai-nilai** negatif seperti menjual diri untuk **berebut** kuasa.

"Kita bukan berjuang untuk **me-muaskan** pemimpin, tetapi perjuangan kita adalah untuk **parti** demi kestabilan politik," katdnya.